



KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

Pelan Tindakan 2024

Kementerian Perpaduan Negara

KANDUNGAN

• Ucapan YB Menteri Perpaduan Negara	4
• Evolusi Institusi Perpaduan Negara	13
• Jabatan & Agensi Di Bawah Kementerian	14
• Jentera Perpaduan	15
• Visi & Misi	19
• Pelan Strategik KPN 2021- 2025	21
• Pelan Tindakan KPN 2024	24
• Takwim	38
• Petunjuk Prestasi UTAMA (KPI)	51



UCAPAN YB MENTERI PERPADUAN NEGARA
Bengkel Hala Tuju KPN 2024 pad 23 hingga 25 November 2023
bertempat di Hotel Amari, Kuala Lumpur

Berpadu ialah satu permulaan, terus bersatu merupakan kemajuan, manakala bekerja secara ganding-berganding, bahu-membahu, adalah resepi kejayaan”.

- Datuk Aaron Ago Dagang

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

PENDAHULUAN

1. **“Berpadu ialah satu permulaan, terus bersatu merupakan kemajuan, manakala bekerja secara ganding-berganding, bahu-membahu, adalah resepi kejayaan”.** Saya yakin bahawa kata-kata ini wajar dijadikan wadah utama dalam menjayakan agenda perpaduan negara.
2. Kini hampir setahun saya memikul amanah dan tanggungjawab sebagai Menteri Perpaduan Negara. Dengan sokongan padu warga kerja Kementerian Perpaduan Negara (KPN), kita berjaya memperkenalkan **Kembara Perpaduan Malaysia MADANI sebagai program flagship** yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional dengan matlamat menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan berhubung Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

3. Dengan jayanya, Kembara Perpaduan Malaysia MADANI ini telah menelusuri ke seluruh pelosok negara dari bandar ke desa, dari prasekolah ke institusi pendidikan tinggi dan dari pemimpin ke akar umbi dalam usaha memberi pengetahuan dan kefahaman yang menyeluruh.
4. Melihat kepada peri pentingnya seluruh rakyat **memahami sejarah, ketamadunan serta warisan negara** selari dengan usaha melahirkan rakyat yang mempunyai jati diri dan semangat cintakan negara yang tinggi, maka Kementerian Perpaduan Negara telah diperkukuhkan melalui penambahan empat (4) agensi utama iaitu **Jabatan Muzium Malaysia, Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia dan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA)**.
5. Pada tahun ini juga, kementerian telah menitikberatkan empat (4) **pemboleh daya perpaduan** yang telah dikenal pasti menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan memberikan kesan kepada perpaduan iaitu:
 - I. meningkatkan peluang ekonomi yang saksama;
 - II. memperkasakan kumpulan minoriti dan rentan ekonomi;
 - III. mengukuhkan jaringan perlindungan sosial; dan
 - IV. memperkasakan inovasi sosial serta merapatkan jurang pembangunan dan kebolehcapaian.
6. Sepanjang tahun 2023, sebanyak **632 program yang berteraskan tiga (3) kluster utama iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah** telah dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara menerusi kesemua tujuh (7) agensi dibawahnya.

PENJAWAT AWAM PEMANGKIN UTAMA DALAM MENCAPAI PERPADUAN NEGARA

7. **Matlamat kita besar iaitu melahirkan negara bangsa Malaysia yang bersatu padu dan aman damai selaras dengan Dasar Perpaduan Negara.** Di sini, ingin saya tegaskan sejelas-jelasnya, semuanya ini tidak akan terjelma, atau berlaku secara hentam keromo sahaja tanpa perancangan rapi dan strategi yang tuntas oleh kementerian.

8. Sebagai seorang penjawat awam, anda memainkan **peranan sebagai agen perpaduan paling hadapan** dan menjadi pengantara antara rakyat dan Kerajaan. Kita perlu sedar dan ingat bahawa komitmen penjawat awam terutamanya tenaga kerja KPN adalah paksi pengukuhan dan pemangkin utama dalam mencapai matlamat agenda perpaduan negara.
9. Pada masa yang sama, jangan kita lupa kepada konsep “**Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian**”, agar kita semua dapat menjadi penjawat awam yang prihatin kepada keperluan rakyat, rajin untuk turun padang dan sentiasa terbuka kepada maklum balas.

EVOLUSI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

10. Institusi yang bertanggungjawab dalam hal ehwal perpaduan telah melalui beberapa siri revolusi dan transformasi iaitu pada **tahun 1969, Jabatan Perpaduan Negara ditubuhkan seterusnya Kementerian Perpaduan Negara pada 1972 sehingga ia dimansuhkan pada tahun 1974**. Sejak 1974, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah memainkan peranan penting dalam merencanakan agenda perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.
11. **Pada 10 Mac 2020, Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan semula selepas 46 tahun**. Penubuhan semula KPN ini menunjukkan bahawa Kerajaan meletakkan agenda perpaduan sebagai keutamaan yang perlu diuruskan dengan lebih tersusun dan inklusif melalui sistem tadbir urus yang lebih berkesan. Mesyuarat Jemaah Menteri juga telah bersetuju dengan cadangan KPN untuk memantapkan tadbir urus perpaduan melalui penubuhan tiga (3) peringkat Jawatankuasa seperti berikut:
 - I. **Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN);**

- II. **Majlis Mesyuarat Menteri Perpaduan bersama Exco-Exco Perpaduan Negeri dan Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak (MExUnity); dan**
 - III. **Jawatankuasa Keharmonian antara penganut agama (HARMONI)**
12. Tambahan pula, peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai jentera utama perpaduan negara turut melalui revolusi daripada hanya bertumpukan **aspek keselamatan “neighbourhood watch” kepada lapan bidang tumpuan baru iaitu keselamatan komuniti, pendidikan sepanjang hayat, ekonomi dan sara hidup, daya cipta, alam sekitar, kepimpinan, kesejahteraan komuniti serta warisan dan budaya.** Dalam setahun ini juga, jumlah KRT turut bertambah daripada **8,348 kepada 8,397.**
13. Malah, Belanjawan 2024 turut memperuntuk RM20 juta bagi memperkasakan **peranan KRT sebagai rujukan sosial yang menyediakan perkhidmatan dan penyebaran maklumat serta memupuk perpaduan dalam komuniti.** Oleh itu, bengkel ini harus fokus kepada perancangan pembangunan **KRT Progresif secara teliti bagi jangka pendek, sederhana dan panjang** termasuklah mengemaskini **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan KRT kepada Pelan Pemerkasaan KRT Progresif 2024-2030.**

TRANSFORMASI HALA TUJU KEMENTERIAN

14. Saya ingin tekankan bahawa bagi tahun 2024, **kita bukan sahaja ingin memperbanyakkan kuantiti/jumlah pelaksanaan program** tetapi juga penting untuk diberikan penekanan serius kepada impak kualiti program dalam membangunkan masyarakat yang bersatu-padu, demokratik, progresif, liberal dan sopan-santun seperti yang digariskan dalam Rukun Negara.
15. Anjakan transformasi perkhidmatan kementerian dan pelaksanaan program harus diberikan tumpuan khusus dan saya berharap agar ia diperincikan dalam bengkel ini. Bagi merealisasikan transformasi yang dirancang, penglibatan semua warga KPN amat diperlukan, sama ada **secara top-down atau bottom-up. Pelan strategik**

adalah instrumen yang penting dalam merancang, melaksanakan dan menilai usaha-usaha untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional. Melalui perancangan sebegini, kementerian dapat menetapkan keutamaan, strategi dan inisiatif “way forward” yang sesuai bagi mendepani pelbagai isu dan cabaran perpaduan yang terdapat di Malaysia.

16. Saya berharap juga agar semua dapat memberi **penekanan dari segi keberhasilan atau outcome, berbanding output, bagi meningkatkan mutu dan kualiti kerja dengan bersandarkan kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI).**
17. Kini peranan kementerian turut menjadi lebih besar sejak penstrukturan agensi kerajaan pada Disember 2022. Sehubungan dengan itu, saya mohon agar **penstrukturan dan penyusunan semula bahagian-bahagian di bawah kementerian diteliti serta mengangkat kertas cadangan tersebut kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).** Mesyuarat Pasca Kabinet turut bersetuju agar **penstrukturan gred dan bilangan penjawatan berhubung pegawai perpaduan di daerah dan negeri turut diteliti segera.**
18. Dalam bengkel ini, perincikan dan bincangkan secara teliti keberhasilan program yang bertunjangkan kepada pengukuhan perpaduan negara, keharmonian rakyat, hubungan antara agama, integrasi nasional, kenegaraan dan sukarelawan. Aplikasikan **konsep “From Mission to Actions”** dalam merancang hala tuju bagi tahun hadapan yang mengambil kira perkara:
 - I. **Mission & Values** - Why we exist and what we want to be
 - II. **Core Values** - What we believe in
 - III. **Objectives** - What we’re going to achieve
 - IV. **Strategy** - Our game plan
 - V. **Tactics** – How we’re going to do it
 - VI. **Balanced Scorecard** - Implementation & Control

19. Selain itu, gunakan pendekatan **SMART (Specific, Measurable, Achievable, Realistic & Time-bound)** dan **FAST (Frequently discussed, Ambitious, Specific & Transparent)** dalam menetapkan objektif dan pengukuhan keberhasilan.
20. Pada hari ini juga saya ingin sampaikan beberapa cadangan hala tuju pelaksanaan inisiatif bagi tahun 2024 yang berlandaskan **tujuh (7) teras perkhidmatan Kementerian Perpaduan Negara:**

TERAS PERKHIDMATAN	PROGRAM
<p>Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Rang Undang-Undang Muzium • Pindaan Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751) • Kemaskini Dasar Koleksi Bahan Audiovisual • Pindaan Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman • Perkhidmatan Cashless Muzium • Pelan Pemerkasaan KRT Progresif 2024-2030 (Kemaskini Pelan Pemerkasaan Kepimpinan KRT) • Dasar Kesukarelawan Nasional • Pendigitalan Khazanah Negara

TERAS PERKHIDMATAN	PROGRAM
<p>Meningkatkan Jati Diri dan Semangat Cintakan Negara</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Explorasi Rukun Negara • Ini Warisan Kita • Konvensyen Bahasa Kolokial Malaysia • Raja Kita, Payung Kita • Majlis Memperingati Negarawan (Tunku Abdul Rahman & Yun Jugah) • Persidangan Antarabangsa I-Ching (Sejarah Lembah Bujang) • Kem Anak Malaysia
<p>Mengukuhkan Tapak Integrasi Sosial</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sambutan Minggu Perpaduan • Citra Nusa @ Muzium • Kempen Malaysia MADANI Membaca • Misi Sukarelawan Siswa • Konvensyen Sukarelawan Nasional 2024 • Program Bermalam di Muzium • Kertas MJM Pengistiharan Hari Kaamatan dan Hari Gawai sebagai Hari Cuti Umum peringkat nasional • Debat Perpaduan Piala
<p>Meningkatkan Keharmonian Antara Penganut Agama</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Harmoni MADANI (Bicara Hamoni, Sambutan Hari Toleransi Sedunia, Sambutan Minggu Harmoni Sedunia dan Interfaith-dialog & wacana) • Garis Panduan Program Melawat Rumah Ibadat

TERAS PERKHIDMATAN	PROGRAM
Memperkuh Ekosistem Perpaduan yang Mampan bagi Membangun	<ul style="list-style-type: none"> • Pemerkasaan KRT • Konvensyen Mediator Komuniti • Simposium Pendidikan Rukun Negara Prasekolah • Meluaskan Tuisyen KAMI
Masyarakat Progresif	<ul style="list-style-type: none"> • Meluaskan Inisiatif Komuniti Rahmah • Karnival Ekonomi Komuniti • Promosi Perpaduan • Penubuhan Kelab Closing The Gap • Pemerkasaan E-USAHAWAN
Memperkuh Jaringan Kolaborasi Strategik	<ul style="list-style-type: none"> • Simposium Friends of Unity • Lawatan Penanda Aras ke Australia • Lawatan Penanda Aras ke Turki • Program Kolaborasi - Keretapi Sarong • Pameran Hubungan Diplomatik 50 Tahun Malaysia-China
Memperkuh Mekanisme Penilaian Keberkesanan Program	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian Indeks Perpaduan Nasional 2024 • Kajian terhadap Multicultural Framework oleh Department of Home Affairs (Australia) • Kajian & Laporan sumbangan Sekolah Vernakular terhadap perpaduan negara masa depan

21. Saya berharap agar cadangan hala tuju yang diumumkan oleh saya sebentar tadi dapat diberikan perhatian khusus oleh semua tenaga kerja kementerian dan sekali gus menjadikan perkhidmatan Kementerian Perpaduan Negara kekal sebagai perkhidmatan yang diyakini oleh rakyat, dan menepati kehendak dan ekspektasi mereka.
22. Akhir sekali, bak kata orang Iban, “**Segulai Sejalai**”, yang melambangkan kesatuan, perpaduan serta semangat kerjasama yang utuh dalam kalangan rakyat Malaysia. Pastikan kita sentiasa mendahulukan dan mendukung tinggi kepentingan rakyat dalam merancang sesuatu inisiatif.

EVOLUSI INSTITUSI PERPADUAN NEGARA



JABATAN & AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN



JENTERA PERPADUAN

KAWASAN RUKUN TETANGGA
Jumlah : 8,397
Jumlah ahli : 250,000 orang

KELAB RUKUN NEGARA
Jumlah : 6,849

SEKRETARIAT RUKUN NEGARA
Jumlah : 188

SKIM RONDAAN SUKARELA
Jumlah : 5,343
Jumlah ahli : 106,760 orang



TABIKA PERPADUAN
Jumlah tabika : 1,781
Jumlah murid : 36,619 orang
Jumlah guru : 3,562 orang
(termasuk pembantu guru)

TABIKA PERPADUAN
Jumlah taska : 41
Jumlah murid : 954 orang
Jumlah guru : 161 orang
Jumlah pembantu guru : 79 orang

SKUAD UNITI
Jumlah : 128
Jumlah ahli : 3,840 orang

MEDIATOR KOMUNITI
Jumlah mediator : 564


KERANGKA: MEMBANGUN NEGARA MELALUI KONSEP PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN



KERANGKA : Membangun Negara

M A D A N I

melalui konsep Perpaduan dalam Kepelembagaan





KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA



Visi & Misi

VISI

Peneraju perpaduan yang inklusif ke arah kemakmuran bersama

MISI

Meningkatkan usaha baharu penyatupaduan untuk membina tapak integrasi bagi pengukuhan semangat muhibah dalam kalangan rakyat

Pelan Strategik KPN

Kementerian Perpaduan Negara

PELAN STRATEGIK KPN

TERAS						
1	2	3			4	
MEMBINA RAKYAT YANG PATRIOTIK DAN DEMOKRATIK	MEMBENTUK IDENTITI NASIONAL	MEMPERKUKUH EKOSISTEM PERPADUAN			MEMANTAPKAN TADBIR URUS	
STRATEGI						
MENINGKATKAN JATI DIRI DAN SEMANGAT CINTA NEGARA	MENINGKATKAN TAPAK INTEGRASI SOSIAL PROGRAM	MENINGKATKAN KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA	MEMPERKUKUH EKOSISTEM PERPADUAN YANG MAMPAN BAGI MEMBANGUN MASYARAKAT PROGRESIF	MEMPERKUKUH JARINGAN KOLABORASI STRATEGIK	MEMPERKUKUH MEKANISME PENILAIAN KEBERKESANA N PROGRAM	MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS DAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

RUMUSAN

TERAS	STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI
1	1	5	30
2	2	3	25
3	3	6	27
4	1	5	19
JUMLAH	7	19	101

BILANGAN TERAS	4
STRATEGI	7
BILANGAN PROGRAM	19
BILANGAN AKTIVITI	101
- KPN	23
- JPNIN	34
- JMM	17
- ANM	19
- PNM	13
- YSS	4
- YTAR	2
- YTR	1

PELAN TINDAKAN KPN 2024

TERAS 1: MEMBINA RAKYAT YANG PATRIOTIK DAN DEMOKRATIK

STRATEGI 1: MENINGKATKAN JATI DIRI DAN SEMANGAT CINTAKAN NEGARA

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSI/ BAHAGIAN
1.1	PENGHAYATAN RUKUN NEGARA			
1.1.1	EKSPLORASI RUKUN NEGARA	BILANGAN PROGRAM	16	JPNIN
1.1.2	PROGRAM RAJA KITA <ul style="list-style-type: none">RAJA KITA, PAYUNG KITAPAMERAN RAJA KITAPAMERAN ARKIB DIRAJA: SIMBOL PERPADUAN NEGARA	BILANGAN PESERTA/ PENGUNJUNG	40,000	JPNIN, JMM,ANM
1.1.3	KONVENSYEN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA	BILANGAN PESERTA	3,000	JPNIN
1.1.4	PROGRAM SRN – GERAN RM3000	BILANGAN SRN	188	KPN
1.1.5	SIMPOSIUM PENDIDIKAN RUKUN NEGARA PRA SEKOLAH	BILANGAN PERATUS PENINGKATAN PEMAHAMAN	25%	JPNIN
1.1.6	KEM ANAK MALAYSIA	BILANGAN PROGRAM	3	JPNIN

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSI/ BAHAGIAN
1.2	INI WARISAN KITA (IWK)			
1.2.1	KONVENSYEN BAHASA KOLOKIAL KEBANGSAAN	BILANGAN PESERTA	5,000	ANM
1.2.2	BICARA BAHASA KOLOKIAL: MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI	BILANGAN PESERTA	15,500	ANM
1.2.3	FOODUNITES (SEMUA NEGERI)/KISAH DAPUR/KELESTARIAN MAKAN TRADISI	BILANGAN PROGRAM	16	KPN ANM JMM
1.2.4	KENALI ETNIK MINORITI	BILANGAN PAMERAN	16	KPN
1.2.5	SAMBUTAN MINGGU ARKIB ANTARABANGSA	BILANGAN PESERTA	5,000	ANM
1.2.6	SAMBUTAN HARI WARISAN AUDIO VISUAL SEDUNIA	BILANGAN PESERTA	5,000	ANM
1.2.7	KENALI BUDAYA KITA	BILANGAN PROGRAM	16	JPNIN
1.2.8	PERSIDANGAN ANTARABANGSA I-CHING (SEJARAH LEMBAH BUJANG)	BILANGAN PESERTA	400	JMM (LEAD) ANM
1.2.9	PROGRAM PEMBUDAYAAN TULISAN JAWI	BILANGAN PESERTA	1,000	PNM
1.2.10	PROGRAM INTEGRASI NASIONAL	BILANGAN PROGRAM	5	JPNIN
1.2.11	RAMAH TAMAH UNITI KAAMATAN DAN GAWAI	BILANGAN PESERTA	10,000	JPNIN
1.2.12	READ & RUN (U-PUSTAKA)	BILANGAN PESERTA	500,000	PNM
1.2.13	BACATHON	BILANGAN PESERTA	500,000	PNM
1.2.14	PEMEROLEHAN KHAZANAH WARISAN NEGARA	BILANGAN KHAZANAH	100,000	JMM ANM PNM

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSI/ BAHAGIAN
1.3	NEGARAWAN KITA			
1.3.1	MAJLIS MEMPERINGATI NEGARAWAN <ul style="list-style-type: none"> • TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ • TUN JUGAH 	PERATUS PEMAHAMAN PESERTA	85%	ANM
1.4	CITRA MERDEKA			
1.4.1	PAMERAN KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA	BILANGAN PAMERAN	2	PNM DAN JMM
1.4.2	SAMBUTAN MEMPERINGATI PENGISYTIHARAN TARIKH KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 20 FEBRUARI 1956	BILANGAN PESERTA	1,000	ANM
1.4.3	KEMBARA MERDEKA ANAK MALAYSIA	PERATUS PENINGKATAN SEMANGAT PATRIOTISME	85%	ANM
1.4.4	SAMBUTAN ANAK MERDEKA 31 OGOS	BILANGAN PESERTA	1,000	ANM
1.4.5	KONVENSYEN SEJARAH DAN PERPADUAN	BILANGAN PESERTA	2,000	ANM
1.4.6	MALAYSIAKU MERDEKA	BILANGAN PROGRAM	116	JPNIN
1.5	PROGRAM PENDIDIKAN PERPADUAN			
1.5.1	PROGRAM PINTAR KREATIF	BILANGAN PESERTA	37,000	JPNIN
1.5.2	SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK	BILANGAN TABIKA	1,781	JPNIN
1.5.3	ANUGERAH KECEMERLANGAN TABIKA PERPADUAN DAN TASKA GENIUS PERPADUAN	BILANGAN PESERTA	500	JPNIN

PELAN TINDAKAN KPN 2024

TERAS 2: MEMBENTUK IDENTITI NASIONAL

STRATEGI 1: MENGUKUHKAN TAPAK INTEGRASI SOSIAL

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSI/ BAHAGIAN
2.1	PEMERKASAAN TAPAK INTEGRASI			
2.1.1	SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN	BILANGAN PESERTA/ PENGUNJUNG	200,000	KPN
2.1.2	MAJLIS SAMBUTAN PERAYAAN UTAMA	BILANGAN PERAYAAN	5	KPN
2.1.3	DEBAT PERPADUAN	BILANGAN PASUKAN	50	JPNIN
2.1.4	KOIR PERPADUAN	BILANGAN PROGRAM	17	JPNIN
2.1.5	PROGRAM GALAKKAN MEMBACA <ul style="list-style-type: none">• KARNIVAL MEMBACA PERDANA• WORLD BOOK DAY• KEMBARA ILMU• ANUGERAH BUKU PNM	BILANGAN PESERTA	500,000	PNM
2.1.6	SEMARAK MUZIUM	BILANGAN PENGUNJUNG	50,000	JMM
2.1.7	MISI SUKARELAWAN SISWA	BILANGAN MISI	4	YSS
2.1.8	KONVENSyen SUKARELAWAN NASIONAL 2024	BILANGAN PESERTA	1,000	YSS
2.1.9	PENUBUHAN KELAB <i>CLOSING THE GAP</i>	BILANGAN SEKOLAH	30	YTAR

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSI/ BAHAGIAN
2.1.10	PEMERKASAAN E-USAHAWAN @PD	BILANGAN PERPUSTAKAAN DESA	10	PNM
2.1.11	PROGRAM PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN WARISAN KHAZANAH INTELEK <ul style="list-style-type: none"> SANGGAR PUISI ASEAN SANGGAR PUSTAKA PERSIDANGAN ANTARABANGSA MANUSKRIP MELAYU 	BILANGAN PESERTA	5,000 SETIAP PROGRAM	PNM
2.1.12	PAMERAN PNM <ul style="list-style-type: none"> PAMERAN MANUSKRIP MELAYU MISA MELAYU – HIKAYAT SALASILAH PERAK MANUSKRIP MELAYU MENYINGKAP ILMU TAKBIR MIMPI PAMERAN MANUSKRIP MELAYU 1001 ILMU PERUBATAN MELAYU 	BILANGAN PAMERAN	3	PNM
2.1.13	KARNIVAL KENANGAN P. RAMLEE: AKU, DIA DAN LAGU	BILANGAN PESERTA	10,000	ANM
2.1.14	PROGRAM KEPIMPINAN TUN RAZAK	BILANGAN PESERTA	80	YTR
2.2	CITRA NUSA @ MUZIUM			
2.2.1	FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA	BILANGAN PENGUNJUNG	100,000	JMM
2.2.2	PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM	BILANGAN PESERTA	2,400	JMM
2.2.3	MAGIS BELANTARA	BILANGAN PENGUNJUNG	10 RIBU	JMM
2.2.4	NOSTALGIA ANAK KAMPUNG	BILANGAN PENGUNJUNG	100 RIBU	JMM
2.2.5	MUZIUM UNITI TRAIL	BILANGAN PENYERTAAN	300	JMM

STRATEGI 2: MENINGKATKAN KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSI/ BAHAGIAN
3.1	HARMONI MADANI			
3.1.1	BICARA HARMONI	BILANGAN SIRI	4	JPNIN
3.1.2	WACANA MEMUPUK PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN AGAMA	BILANGAN PESERTA	1 RIBU	KPN
3.1.3	JERAYAWARA HARMONI	BILANGAN JERAYAWARA	5	KPN
3.1.4	SAMBUTAN HARI TOLERANSI SEDUNIA	BILANGAN PESERTA	1 RIBU	KPN
3.1.5	SAMBUTAN MINGGU HARMONI SEDUNIA	BILANGAN PESERTA	5 RIBU	KPN
3.1.6	INTERFAITH- DIALOG	BILANGAN DIALOG	3	JPNIN

PELAN TINDAKAN KPN 2024

TERAS 3: MEMPERKUKUH EKOSISTEM PERPADUAN

STRATEGI 1: MEMPERKUKUH EKOSISTEM PERPADUAN YANG MAMPAN BAGI MEMBANGUN MASYARAKAT PROGRESIF

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSI/ BAHAGIAN
4.1	PEMERKASAAN KRT PROGRESIF			
4.1.1	PROJEK EKONOMI RUKUN TETANGGA (KEBUN KOMUNITI KRT)	PERATUSAN PENINGKATAN PENDAPATAN	5%	JPNIN
4.1.2	KARNIVAL EKONOMI RT	BILANGAN	17	JPNIN
4.1.3	KIOSK@KRT	BILANGAN	16	JPNIN
4.1.4	KOPERASI KRT	BILANGAN	16	JPNIN
4.1.5	KONVENSYEN SRS KEBANGSAAN	BILANGAN PESERTA	5,000	JPNIN
4.1.6	PROGRAM PENDIDIKAN KESELAMATAN KEJIRANAN	BILANGAN PROGRAM	116	JPNIN
4.1.7	BENGGEL PENGUKUHAN SKUAD UNITI	BILANGAN BENGGEL	16	JPNIN
4.1.8	KONVENSYEN KELOMPOK KOMUNITI	BILANGAN PESERTA	3,000	JPNIN
4.1.9	PROGRAM INTEGRASI SOSIAL ANTARA KOMUNITI	BILANGAN PROGRAM	50	JPNIN
4.1.10	SUKARELAWAN@JIRAN MUDA	BILANGAN SKUAD	5	JPNIN

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENS/ BAHAGIAN
4.1.11	PROGRAM KOMUNITI RAHMAH <ul style="list-style-type: none"> • RT CARES • DAPUR KOMUNITI • GERAK KERJA PASCA BANJIR 	BILANGAN KOTAK	3,000	JPNIN
		BILANGAN PEK MAKANAN	12,000	
		BILANGAN GERAK KERJA	10	
4.1.12	PROGRAM TUISYEN KAMI	BILANGAN PROGRAM	200	JPNIN DAN YSS
4.1.13	PROGRAM JIRANKU KELUARGAKU	BILANGAN PROGRAM	16	JPNIN
4.1.14	KONVENSYEN INOVASI KOMUNITI	BILANGAN PASUKAN	16	JPNIN
4.2	PROGRAM MEDIASI KOMUNITI			
4.2.1	KONVENSYEN ANTARABANGSA MEDIASI KOMUNITI	BILANGAN PESERTA	1,000	JPNIN
4.2.2	PUSAT MEDIASI KOMUNITI	BILANGAN PUSAT	4	JPNIN
4.3	PROMOSI PERPADUAN			
4.3.1	PROMOSI PROGRAM-PROGRAM PERPADUAN	BILANGAN CAPAIAN	15 JUTA	KPN

STRATEGI 2: MEMPERKUKUH JARINGAN KOLABORASI STRATEGIK

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSI/ BAHAGIAN
5.1	KERJASAMA DALAM NEGARA			
5.1.1	KERJASAMA BERSAMA NGO, GLC DAN SWASTA	BILANGAN KERJASAMA	20	KPN
5.1.2	SIMPOSIUM FRIENDS OF UNITY	BILANGAN PESERTA	1,000	KPN
5.2	KERJASAMA LUAR NEGARA			
5.2.1	LAWATAN PENANDA ARAS KE LUAR NEGARA	BILANGAN LAWATAN	3	KPN
5.2.2	KEANGGOTAAN BADAN ANTARABANGSA	BILANGAN BADAN ANTARABANGSA	16	JMM ANM PNM
5.2.3	PAMERAN HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA-TURKIYE	BILANGAN PENGUNJUNG	18,000	ANM
5.2.4	PAMERAN HUBUNGAN DIPLOMATIK 50 TAHUN MALAYSIA-CHINA	BILANGAN PENGUNJUNG	20,000	JMM
5.2.5	PEMULANGAN ARTIFAK MALAYSIA DARI LUAR NEGARA	BILANGAN NEGARA	2	JMM

STRATEGI 3: MEMPERKUKUH PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSI/ BAHAGIAN
6.1	KAJIAN			
6.1.1	IPNAS 2024 - NASIONAL - SEMENANJUNG - SABAH - SARAWAK	BILANGAN KAJIAN	4	KPN
6.1.2	KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM PERPADUAN	TEMPOH MASA	14 HARI	KPN
6.1.3	KAJIAN-KAJIAN BERKAITAN PERPADUAN DI MALAYSIA	BILANGAN KAJIAN	6	KPN

PELAN TINDAKAN KPN 2024

TERAS 4: MENINGKATKAN KECEMERLANGAN ORGANISASI

TERAS 1: MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS DAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSI/ BAHAGIAN
7.1	PEMANTAPAN PERUNDANGAN			
7.1.1	RUU MUZIUM	PERATUS PENYEDIAAN	50%	JMM
7.1.2	PINDAAN AKTA RUKUN TETANGGA 2012 [AKTA 751]	PERATUS PENYEDIAAN	30%	JPIN
7.1.3	PINDAAN AKTA KUMPULAN WANG YTAR	PERATUS PENYEDIAAN	100%	YTAR
7.1.4	PINDAAN AKTA ARKIB MALAYSIA [AKTA 629]	PERATUS PENYEDIAAN	50%	ANM
7.1.5	PINDAAN AKTA PERPUSTAKAAN (AKTA 80)	PERATUS PENYEDIAAN	50%	PNM
7.2	DASAR & POLISI			
7.2.1	PELAN HALA TUJU KRT PROGRESIF (KEMASKINI PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KRT)	PERATUS PENYEDIAAN	100%	JPIN
7.2.2	DASAR KESUKARELAWAN NASIONAL	PERATUS PENYEDIAAN	100%	YSS

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSI/ BAHAGIAN
7.2.3	GARIS PANDUAN PROGRAM MELAWAT RUMAH IBADAT	PERATUS PENYEDIAAN	100%	KPN
7.3	PENGUKUHAN KAPASITI DAN KEUPAYAAN ORGANISASI			
7.3.1	PENSTRUKTURAN SEMULA JABATAN – 4 JABATAN	BILANGAN	4	KPN
7.3.2	PEMBANGUNAN MODAL INSAN – PELAN OPERASI LATIHAN	PERATUS PENYEDIAAN	100%	KPN
7.3.3	PELAN PENGGANTIAN	PERATUS PENYEDIAAN	100%	KPN
7.4	PENDIGITALAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN			
7.4.1	MUZIUM MAYA BAGI MUZIUM ALAM SEMULAJADI	TEMPOH MASA	OKT 2024	JMM
7.4.2	GALERI MAYA KEBITARAAN MALAYSIANA	TEMPOH MASA	OKT 2024	PNM
7.4.3	MENAMBAHBAIK E-NEGARAWAN	PERATUS NAIK TARAF	85%	ANM
7.4.4	PERKHIDMATAN CASHLESS DI JABATAN	PERATUS TRANSAKSI	20%	JMM
7.4.5	PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN	PERATUS PENYEDIAAN	100%	KPN

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSI/ BAHAGIAN
7.4.6	PENDIGITALAN KOLEKSI KHAZANAH WARISAN NEGARA	BILANGAN MUKA SURAT	2 JUTA	PNM ANM
7.5	PEMBUDAYAAN INOVASI, KUALITI DAN INTEGRITI			
7.5.1	PROGRAM INOVASI DAN KUALITI	BILANGAN PROGRAM	5	KPN
7.5.2	PROGRAM INTEGRITI	BILANGAN PROGRAM	5	KPN



KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA



Takwim

TAKWIM

JANUARI 2024

NAMA PROGRAM	TARIKH	AGENSI PELAKSANA
1. MAJLIS ANUGERAH MYHERO 4.0	11 JAN 2024	JPNIN
2. MAJLIS AMANAT YB MENTERI PERPADUAN	16 JAN 2024	KPN
3. SOFT LAUNCH PEMERKASAAN RUKUN TETANGGA PROGRESIF	24 JAN 2024	JPNIN
4. FOODUNITES @ SARAWAK	27 JAN 2024	KPN

FEBRUARI 2024

NAMA PROGRAM	TARIKH	AGENSI PELAKSANA
1. KOLABORASI MEDIA ANTARA YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN DAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA SEMPERA ULANG TAHUN KELAHIRAN ALMARHUM TUNKU ABDUL RAHMAN YANG KE-12	8 FEB 2024	YTAR
2. PERASMIAN PERPUSTAKAAN DESA, KUMBATANG, KUDAT SABAH	17 FEB 2024	PNM
3. SAMBUTAN MEMPERINGATI PENGISYTIHARAN TARIKH KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 20 FEB 1957	20 FEB 2024	ANM
4. KENALI ETNIK MINORITI	21 FEB 2024	KPN/JPNIN
5. MALAM APRESIASI KPN	23 FEB 2024	KPN
6. KONVENSYEN MEDIASI KOMUNITI	24 FEB 2024	KPN/JPNIN
7. PELANCARAN PEMERKASAAN KRT PROGRESIF	24 FEB 2024	JPNIN
8. MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA (MPPN) BIL.1/2024	27 FEB 2024	KPN
9. PODCAST BICARA HARMONISIRI 2 (KICK-OFF BERSAMA YBM & MENTERI AGAMA)	28 FEB 2024	JPNIN
10. CITRA NUSA@MELAKA	FEB 2024	JMM

MAC 2024

NAMA PROGRAM	TARIKH	AGENSI PELAKSANA
1. BICARA BAHASA KOLOKIAL: MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI KELANTAN	5 MAC 2024	ANM
2. SAMBUTAN HARI WANITA 2024 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA	8 MAC 2024	KPN
3. SIMPOSIUM FRIENDS OF UNITY	11 MAC 2024	KPN/JPNIN
4. KITA BERSAMA EDISI BULAN RAMADAN	14 MAC 2024	YSS
5. PROGRAM GERAK RAHMAH JOM MASAK BUBUR LAMBOK MELAKA	16 MAC 2024	JPNIN
6. INTERFAITH DIALOG SIRI 1	18 MAC 2024	JPNIN
7. MAJLIS IFTAR RAMADAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA	21 MAC 2024	KPN

APRIL 2024

NAMA PROGRAM	TARIKH	AGENSI PELAKSANA
1. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YSS KE-12	1 APRIL 2024	YSS
2. JERAYAWARA HARMONI	6 APR 2024	JPNIN
3. EKSPLORASI RUKUN NEGARA PERINGKAT NEGERI KICK-OFF	18 APR 2024	JPNIN
4. PAMERAN RAJA KITA	APRIL-JUN (TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN)	JMM/ANM
5. WORLD BOOK DAY & JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2024	23 APR 2024	PNM
6. SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA	24 APRIL 2024	KPN
7. MAJLIS BICARA SEJARAH DAN KOMUNITI WP LABUAN	24 & 26 APR 2024	ANM
8. MESYUARAT JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA AGAMA (HARMONI) BIL.1/2024	25 APR 2024	KPN
9. KARNIVAL EKONOMI ZON SELATAN	27 & 28 APR 2024	JPNIN
10. MESYUARAT EXCO PERPADUAN (MExUnity) BIL.1/2024	30 APR 2024	KPN

MEI 2024

NAMA PROGRAM	TARIKH	AGENSI PELAKSANA
1.SIMPOSIUM PENDIDIKAN RUKUN NEGARA PRA SEKOLAH	4 MEI 2024	JPNIN
2. MINGGU KENANGAN P RAMLEE ÒAKU, DIA DAN LAGUÓ	6-12 MEI 2024	ANM
3. PROGRAM SENTUHAN KASIH @RAKAN MUDA	7 MEI 2024	PNM
4. BACATHON	7-9 MEI 2024	PNM
5. PELANCARAN KIOSK @KRT SELANGOR	11 MEI 2024	JPNIN
6.FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA PULAU PINANG	13-22 MEI 2024	JMM
7. DEBAT PERPADUAN	16 MEI 2024	JPNIN
8. KARNIVAL EKONOMI ZON UTARA	18 & 19 MEI 2024	JPNIN
9. SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN (JOHOR)	22-26 MEI 2024	KPN/JPNIN
10. KEMBARA ILMU SEMPENA SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN	25-28 MEI 2024	PNM
11. RAMAH TAMAH UNITI KAAMATAN DAN GAWAI	31 MEI 2024	KPN/JPNIN

NAMA PROGRAM	TARIKH	AGENSI PELAKSANA
1. EKSPLORASI RUKUN NEGARA PERINGKAT NEGERI KICK-OFF	6 JUN 2024	JPNIN
2. RAMAH TAMAH UNITI GAWAI (PPINANG)	8 & 9 JUN 2024	JPNIN
3. SAMBUTAN MINGGU ARKIB ANTARABANGSA 2024	9-16 JUN 2024	ANM
4. KONVENSYEN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA (SRN)	11 JUN 2024	JPNIN
5. TEKAD KOMUNITI, SEMARAK PERPADUAN	12 JUN 2024	PNM
6. KARNIVAL EKONOMI RUKUN TETANGGA NEGERI SEMBILAN	15 & 16 JUN 2024	JPNIN
7. PELANCARAN/PERASMIAN PROGRAM ARKIB@SEKOLAH	19 JUN 2024	ANM
8. PROGRAM RAJA PAYUNG KITA	22 & 23 JUN 2024	JPNIN
9. BENGKEL KOPERASI (PELANCARAN)	27 JUN 2023	JPNIN

JULAI 2024

NAMA PROGRAM	TARIKH	AGENSI PELAKSANA
1.KARNIVAL MEMBACA PERDANA	1-31 JULAI 2024	PNM
2. PERSIDANGAN I-CHING	12-14 JULAI 2024	JMM/PNM
3. KEMBARA MERDEKA ANAK MALAYSIA	13-14 JULAI 2024	ANM
4. KARNIVAL EKONOMI RUKUN TETANGGA ZON TIMUR	13-14 JULAI 2024	JPNIN
5. KEMBARA INILAH WARISAN KITA@DABONG	20 JULAI 2024	PNM
6.È GLAM CONVERGENCEWARISAN KEARIFAN BANGSA	24-25 JULAI 2024	PNM
7. MAJLIS AMANAT YBM (PERTENGAHAN TAHUN) 26/7	26 JULAI 2024	KPN
8. CITRA NUSA @MUZIUM KOTA KAYANG	26-28 JULAI 2024	JMM
9. SANGGAR PUISI ASEAN 2024 : WARISAN DAN PERADABAN BANGSA	27 JULAI 2024	PNM
10. BENGKEL YOUNG, EFFECTIVE, SMART (YES)	27 & 28 JULAI 2024	JPNIN
11. KEM DUTA PERPADUAN	30 JULAI 2024	YSS

NAMA PROGRAM	TARIKH	AGENSI PELAKSANA
1. KONVOI PERPADUAN & KENALI BUDAYA KITA PERINGKAT NEGERI MELAKA	1 OGOS 2024	JPNIN
2. MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN 2024	2 OGOS 2024	KPN
3. MAJLIS MEMPERINGATI NEGARAWAN;TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ	5 OGOS 2024	ANM
4. SAMBUTAN HARI ASEAN (DIRASMIKAN OLEH YB MENTERI KLN/YB MENTERI KPN)	8 OGOS 2024	PNM
5. INI WARISAN KITA:MISI SUKARELAWAN SISWA KE SABAH	OGOS 2024 (TBC)	YSS
6. GERAK RAHMAH: JOM RONDA SRS	10 OGOS 2024	JPNIN
7. KEM TULISAN JAWI	16-17 OGOS 2024	JMM
8. MAJLIS PENUTUPAN PERTANDINGAN LUKISAN MURAL RUKUN NEGARA	20 OGOS 2024	ANM
9. MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA (MPPN) BIL.2/2024	22 OGOS 2024	KPN
10. KARNIVAL EKONOMI ZON TENGAH	24 & 25 OGOS 2024	JPNIN
11. SEMINAR PENGIKTIRAFAN WARISAN DUNIA: KOLEKSI SURAT-MENYURAT SULTAN ABDUL HAMID (1882-1943)	27 OGOS 2024	ANM
12. SAMBUTAN ANAK MERDEKA	31 OGOS 2024	ANM

SEPTEMBER 2024

NAMA PROGRAM	TARIKH	AGENSI PELAKSANA
1. INI WARISAN KITA: MISI SUKARELAWAN SISWA KE SARAWAK	SEPT 2024 (TBC)	YSS
2. MAJLIS MEMPERINGATI NEGARAWAN: TUN DATUK PATINGGI TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG	7 SEPT 2024	ANM
3. PROGRAM JIRANKU KELUARGA	7 SEPT 2024	JPNIN
4. KEMBARA INILAH WARISAN KITA@TENOM, SABAH	8 SEPT 2024	JMM
5. KONVENSYEN SEJARAH DAN PERPADUAN NASIONAL	9-10 SEPT 2024	ANM
6. KONVENSYEN KELOMPOK KOMUNITI	14 SEPT 2024	JPNIN
7. MESYUARAT JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA AGAMA (HARMONI) BIL.2/2024	19 SEPT 2024	KPN
8. KARNIVAL EKONOMI RUKUN TETANGGA SABAH / LABUAN	21 & 22 SEPT 2024	JPNIN
9. MAJLIS MEMPERINGATI NEGARAWAN: TUN DATU MUSTAPHA DATU HARUN & TUN DATUK HAJI MOHAMMAD FUAD STEPHENS	23 SEPT 2024	ANM
10. PERSIDANGAN ANTARABANGSA MANUSKRIP MELAYU (PAMM) 2024: KITAB TIB-1001 RAHSIA ILMU PERUBATAN	25-26 SEPT 2024	PNM
11. KEM ANAK MALAYSIA SARAWAK : KICK-OFF	29 SEPT 2024	JPNIN

OKTOBER 2024

NAMA PROGRAM	TARIKH	AGENSI PELAKSANA
1. PAMERAN DIPLOMATIK 60 TAHUN MALAYSIA-TURKIYE	1 OKT 2024 <small>(cadangan perasmis: YAB Perdana Menteri/Timbalan Perdana Menteri/YB Menteri KPN)</small>	ANM
2. INI WARISAN KITA: MISI SUKARELAWAN SISWA KE KEDAH	OKT 2024 (TBC)	YSS
3. U-PUSTAKA FUN RUN	6 OKT 2024	PNM
4. SEMINAR LITERASI MAKLUMAT 2024	9 Đ 10 OKT 2024	PNM
5. MAJLIS PELUNCURAN JELAJAH CAKNA PENGURUSAN REKOD	8 & 9 OKT 2024	ANM
6. SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA 2024	11-12 OKT 2024	KPN
7. PAMERAN DIPLOMATIK 50 TAHUN MALAYSIA-CHINA	14 OKT 2024	KPN/SEMUA AGENSI
8. KONVENSYEN KEBANGSAAN BAHASA KOLOKIAL: MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI	15 & 16 OKT 2024	ANM
9.Ē MESYUAAĒT EXCO PERPADUAN (MExUnity) BIL.2 2024	17 OKT 2024	KPN
10. ANUGERAH TABIKA PERPADUAN & TASKA GENIUS PERPADUAN	20 OKT 2024	JPNIN
11 ANUGERAH BUKU PNM	22 OKT 2024	PNM
12. PELANCARAN GALERI MAYA KEBITARAAN MALAYSIANA	25 OKTĒ 2024	PNM
13. SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK	26 OKT 2024	JPNIN
14. KARNIVAL EKONOMI ZON UTARA	26 & 27 OKT 2024	JPNIN
15. SAMBUTAN HARI WARISAN AUDIOVISUAL SEDUNIA 2024	29 OKT 2024	ANM

NOVEMBER 2024

DISEMBER 2024

1 – 4 DISEMBER 2024

Petunjuk Prestasi UTAMA (KPI)

YB Menteri Perpaduan Negara

CADANGAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) YB MENTERI PERPADUAN NEGARA TAHUN 2024



SENARAI PROGRAM KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TAHUN 2024

BARU 13 PROGRAM

Pertandingan Lukisan Mural Rukun Negara ANM 140,000 penyertaan	Program Raja Kita JMM 40,000 penyertaan	Persidangan Yi-jing JMM 400 penyertaan	Sambutan Minggu Harmoni Sedunia KPN 500 penyertaan	Program Kenali Etnik Minoriti KPN 30,000 penyertaan
Konvensyen Bahasa Kolokial ANM 5,000 penyertaan	Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional ANM 5,000 penyertaan	Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia PNM 500,000 penyertaan	Karnival Baca Perdana PNM 10,000 penyertaan	Warisan dan Budaya JPNIN 1,600,000 penyertaan
Daya Cipta JPNIN 753,000 penyertaan	Simposium Friends of Unity KPN 500 penyertaan	Pembelajaran Sepanjang Hayat JPNIN 9,000 penyertaan		

SEDIA ADA 21 PROGRAM

Sambutan Perisytiharaan Tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ANM 140,000 penyertaan	Program Penghayatan Rukun Negara KPN 30,000 penyertaan	Citra Nusa @Muzium PNM 500,000 penyertaan	Read & Run U-Pustaka PNM 5,000 penyertaan	Program Harmoni Madani JPNIN 500,500 penyertaan	Nostalgia Anak Kampung JMM 400 penyertaan	Bicara Bahasa Kolokial JPNIN 1,600,000 penyertaan
Program Pendidikan Perpaduan KPN 500 penyertaan	Semarak @Muzium Jom Melawat Muzium PNM 10,000 penyertaan	Program Ini Warisan Kita JPNIN 5,620 penyertaan	Ekonomi dan Sara Diri JPNIN 110,500 penyertaan	Kesejahteraan Ekonomi JPNIN 527,000 penyertaan	Foodunites ANM 5,000 penyertaan	Program Citra Merdeka JPNIN 17,500 penyertaan
Pameran Kemerdekaan KPN 500 penyertaan	Majlis Anugerah Buku PNM JPNIN 9,000 penyertaan	Program Pemerkasaan Tapak Integrasi Sosial JPNIN 22,000 penyertaan	Kepimpinan JPNIN 1,550 penyertaan	Sambutan Minggu Perpaduan ANM 5,000 penyertaan	Alam Sekitar JPNIN 1,000,000 penyertaan	Keselamatan dan Ketahanan Komuniti JPNIN 164,500 penyertaan

SEMARAK KENEGARAAN

8 PROGRAM	SEDIA ADA	BARU
469,380 PENYERTAAN	5 PROGRAM	3 PROGRAM

JPNIN = 2 program (2 sedia ada) melibatkan 243,980 penyertaan

ANM = 2 program (1 baru, 1 sedia ada) melibatkan 165,000 penyertaan

JMM = 3 program (2 baru, 1 sedia ada) melibatkan 50,400 penyertaan

PNM = 1 program (1 sedia ada) melibatkan 10,000 penyertaan

SEMARAK PERPADUAN

18 PROGRAM
1,526,620 PENYERTAAN

SEDIA ADA
11 PROGRAM

BARU
7 PROGRAM

KPN = 5 program (3 baru, 2 sedia ada) melibatkan 255,500 penyertaan

JPNIN = 4 program (4 sedia ada) melibatkan 545,620 penyertaan

ANM = 3 program (2 baru, 1 sedia ada) melibatkan 25,500 penyertaan

JMM = 2 program (2 sedia ada) melibatkan 180,000 penyertaan

PNM = 4 program (2 baru, 2 sedia ada) melibatkan 520,000 penyertaan

SEMARAK KENEGARAAN

8 PROGRAM

4,165,550 PENYERTAAN

SEDIA ADA

5 PROGRAM

BARU

3 PROGRAM

JPNIN = 8 program (5 sedia ada, 3 baru) melibatkan 4,169,400 penyertaan



KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

